MALAYSIAN JOURNAL OF LEARNING AND INSTRUCTION
http://e-journal.uum.edu.my/index.php/mjli

How to cite this article:
Ismail, M. J., Hamuzan, H. A., & Maarof, N. H. (2021). Meneroka tingkah laku unik pelajar pintar cerdas berbakat akademik. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, *18*(2), 301-328. https://doi.org/10.32890/mjli2021.18.2.11

MENEROKA TINGKAH LAKU UNIK PELAJAR PINTAR CERDAS BERBAKAT AKADEMIK

(Exploring Unique Behavior of Gifted Students with Academic Talented)

[1]Md Jais Ismail, [2]Hawa Aqilah Hamuzan & [3]Nurul Hafizah Maarof
[1]Fakulti Muzik, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam Selangor, Malaysia
[2&3]Pusat GENIUS@pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

[1]Corresponding author: mdjais@uitm.edu.my

Received: 2/3/2020 Revised: 26/2/2021 Accepted: 28/3/2021 Published: 31/7/2021

ABSTRAK

Tujuan - Tanpa sokongan daripada pihak sekolah dan ahli masyarakat, anak-anak pintar cerdas terdedah dengan peminggiran sosial dan risiko masalah psikologi seterusnya gagal dalam pelajaran. Kajian lepas membuktikan bahawa pelajar-pelajar pintar cerdas memiliki tingkah laku unik yang boleh membantu meningkatkan pencapaian keseluruhan mereka. Kajian ini bertujuan meneroka tingkah laku unik pelajar pintar cerdas yang ditunjukkan semasa berada di rumah, proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, dan pergaulan bersama rakan di sekolah.

Metodologi - Kajian dijalankan menerusi pendekatan kualitatif di Kolej GENIUS@Pintar Negara yang merupakan tempat pengajian pelajar pintar cerdas berbakat akademik dari seluruh Malaysia. Responden terdiri daripada lima orang ibu bapa pelajar pintar cerdas, tiga orang pensyarah, dan enam orang pelajar pintar cerdas. Pengumpulan data melalui kaedah temu bual mendalam dan temu bual kelompok mengikut protokol temu bual yang dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik.

Dapatan - Keputusan menunjukkan tingkah laku unik pelajar pintar meliputi lakuan membaca dalam masa yang lama, suka menyendiri menyiapkan tugasan, kerap bertanya sehingga memperoleh jawapan yang konkrit, berbahas untuk mempertahankan jawapan, memberi komitmen yang tinggi, dan selalu melakukan aktiviti mencabar minda.

Signifikan - Kajian ini menjadi panduan kepada ibu bapa, guru-guru dan masyarakat untuk memahami pelajar pintar cerdas dengan lebih dekat lagi seterusnya mengelakkan risiko peminggiran pelajar pintar cerdas. Implikasi terhadap kaedah dan strategi pengajaran guru untuk disesuaikan dengan keunikan tingkah laku pelajar pintar cerdas di sekolah. Oleh itu, dapatan kajian ini dijangka dapat mengukuhkan program pendidikan pintar cerdas di Malaysia.

Kata kunci: Pintar cerdas, tingkah laku unik, kualitatif, temu bual, analisis tematik.

ABSTRACT

Purpose – *Without proper support from the school and community, gifted students are vulnerable to social marginalisation, psychological issues and consequently lag behind in their studies. Previous studies have found that gifted students possess unique behaviour that can assist in raising their overall achievement. This study aims to explore the unique behaviour shown by gifted students at home, in class, and from their interactions with friends in school.*

Methodology - *This study was conducted at Kolej GENIUS@Pintar Negara, which is a school for gifted and academically talented students from all over Malaysia. The respondents were five parents of gifted students, three lecturers, and six gifted students. In-depth and focus group interviews were conducted using adapted interview protocol to collect data and thematic analysis was employed to analyse the data collected.*

Findings *– The results revealed that gifted students showed unique behaviour such as reading for long periods of time, preference for working alone to complete tasks, constantly asking questions to satisfy curiosity, inclination to argue to defend point of view, highly committed to complete tasks, and frequently participate in mentally challenging activities.*

Significance - *This research serves to provide information to parents, teachers and the community to better understand and fulfil the needs of gifted students. It could also contribute to improving teachers' teaching methods and strategies to address some of the problems faced by gifted students in school. Hence, findings from this study could play a part in enhancing the gifted education programme in Malaysia.*

Keywords: *Gifted, unique behaviour, qualitative, interview, thematic analysis.*

PENGENALAN

Kewujudan pelajar pintar cerdas dalam arus pendidikan negara tidak dinafikan lagi. Kajian membuktikan terdapat sekurang-kurangnya 1 kanak-kanak pintar cerdas dalam 10 000 orang kanak-kanak aliran perdana (Md Jais et al., 2020). Kajian pula menyatakan bahawa kanak-kanak pintar cerdas mempunyai tingkah laku unik yang membolehkan mereka cemerlang dalam akademik (Agaliotis & Kalyva, 2019; Cleveland, 2017). Namun, para pelajar pintar cerdas mempunyai masalah pengurusan emosi disebabkan jurang umur kronologi dengan umur mental yang besar atau dengan kata lain perkembangan tidak sejajar (*asynchronous*) (Ismail & Anuar, 2020). Masalah ini telah menyebabkan ketidaktentuan emosi dan sikap yang menyebabkan orang lain tidak selesa dengan pelajar pintar cerdas. Akibat keunikan tingkah laku unik yang ditunjukkan pelajar pintar cerdas telah menyebabkan mereka terdedah dengan risiko peminggiran, buli, dan penderaan emosi sebagaimana kajian Ogurlu dan Sarıçam, (2018). Ciri-ciri khas yang dimiliki pelajar pintar cerdas membentuk tingkah laku unik yang berbeza dengan pelajar aliran perdana.

Peluasan program pendidikan pintar cerdas di Seremban telah bermula Januari 2020 selepas kira-kira 11 tahun Kolej Genius@Pintar cerdas Negara di Bangi, Selangor beroperasi. Satu lagi sekolah khusus untuk program pendidikan pintar cerdas telah dibina di Pendang, Kedah

yang dijangka beroperasi pada tahun 2021. Hal ini merupakan inisiatif pihak kerajaan yang nampaknya tidak meminggirkan golongan pelajar yang memiliki ciri unik ini. Walau bagaimanapun, dapatan temu bual tidak formal bersama komuniti setempat menunjukkan tidak ramai yang mengetahui dan memahami pelajar pintar cerdas termasuk para guru sekolah seperti yang dibentangkan dalam kajian Rosadah dan Aliza (2010). Tanpa pengetahuan dan pemahaman yang jelas tentang siapakah sebenarnya pelajar pintar cerdas akan menyebabkan proses pendidikan yang tidak mengambil kira tret-tret kepintaran pelajar semasa proses pembelajaran (Post, 2016). Hal ini boleh menyebabkan pelajar pintar cerdas terdedah dengan risiko buli, masalah psikologi seterusnya mengundang kepada kegagalan fungsi sistem pendidikan pintar cerdas. *U.S Department of Education* (1993) menyarankan, untuk menyediakan pendidikan yang sempurna terhadap pelajar pintar cerdas, masyarakat termasuk pihak kerajaan perlu mempunyai pemahaman yang jelas tentang definisi pintar cerdas.

Oleh itu, kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti tingkah laku unik pelajar pintar cerdas dalam tiga fasa situasi iaitu semasa proses pengajaran dan pembelajaran, di rumah dan pergaulan bersama rakan. Signifikan kajian ini adalah sebagai panduan kepada para pendidik, ibu bapa, dan masyarakat untuk memahami pelajar pintar cerdas seterusnya tidak meminggirkan golongan ini. Para pendidik juga akan lebih bersedia merancang intervensi yang sesuai bagi mendepani arus pendidikan dalam bidang pintar cerdas . Kajian ini juga sebagai panduan kepada para ibu bapa untuk mengenalpasti tingkah laku unik anak-anak yang boleh dikaitkan dengan tret-tret kepintaran. Orang ramai pula memperoleh gambaran yang jelas dan dapat mengenal lebih dekat terhadap golongan pintar cerdas yang berada di sekeliling seterusnya memahami ciri-ciri tingkah laku yang ditonjolkan.

Objektif

Objektif umum kajian ini ialah mengenalpasti tingkah laku yang ditunjukkan oleh pelajar pintar cerdas untuk menyerlahkan bakat akademik. Objektif khusus kajian ini pula meliputi perkara berikut:

i. Mengenal pasti tingkah laku pelajar pintar cerdas yang ditunjukkan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
ii. Mengenal pasti tingkah laku pelajar pintar cerdas yang ditunjukkan semasa di rumah.
iii. Mengenal pasti tingkah laku yang ditunjukkan dalam pergaulan bersama rakan.

Teori Pintar Cerdas

Salah satu teori yang mendasari pendidikan pintar cerdas cerdas ialah Teori Renzulli. Teori ini menekankan ciri-ciri pintar cerdas yang berpaksikan individu kreatif dan produktif (Rambo & Fernandes, 2019). Pada dasarnya, teori ini menerangkan individu yang sangat produktif dikategorikan dalam tiga kelompok yang saling berhubungan, iaitu kemampuan atau kebolehan, komitmen tugas, dan kreativiti (Renzulli, 2020). Konsep kepintaran ini dikenali sebagai Konsep Tiga Cincin Renzulli di mana ketiga-tiga ciri tersebut dimiliki pelajar pintar cerdas yang turut didorong oleh motivasi kendiri.

Konsep ini membuat perbezaan antara kebolehan umum (maklumat pemprosesan, mengintegrasikan pengalaman, dan pemikiran abstrak) dan kebolehan khusus (keupayaan untuk memperoleh pengetahuan, melakukan sesuatu dalam aktiviti). Melalui kreativiti, seseorang individu memahami kelancaran, fleksibiliti, dan keaslian pemikiran, keterbukaan untuk mengalami, kepekaan terhadap rangsangan, dan kesediaan untuk mengambil risiko. Di bawah domain komitmen tugas didorongi oleh motivasi yang berubah menjadi tindakan (seperti ketekunan, daya tahan, kerja keras, tetapi juga keyakinan diri, persepsi dan daya tarikan istimewa terhadap sesuatu objek). Konsep ini menegaskan bahawa tanpa komitmen terhadap tugas, pencapaian yang tinggi tidak mungkin diperoleh (Renzulli, 2016). Jika ciri-ciri dari ketiga-tiga bulatan cincin ini digabungkan, maka prestasi tinggi atau tingkah laku unik dapat ditunjukkan oleh pelajar pintar cerdas. Faktor personaliti dan faktor persekitaran juga dapat memperkaya tingkah laku yang ditunjukkan (Sorrentino, 2019).

Teori lain yang mendasari pendidikan pintar cerdas ialah Teori Gagne (Khalip & Hariza, 2015). Teori ini memperkenalkan *Differentiated Model of Giftedness and Talent* (DMGT) bagi menjelaskan ciri individu pintar cerdas berbakat. Model DMGT 2.0 oleh Gagne (2012) menerangkan terdapat dua domain kebolehan semulajadi iaitu mental dan fizikal. Dalam domain mental merangkumi elemen intelektual (kepintaran semula jadi, rasional, cepat faham, dan kekuatan menghafal), kreatif (kebolehan menyelesaikan masalah, imaginasi, dan ketulenan), sosial (memanipulasi orang, berinteraksi, kebolehan mempengaruhi dan memujuk orang) dan perseptual (kebolehan lihat, dengar, sentuh, dan kinestetik).

Dalam domain fizikal terdapat otot muskular (kuasa, kelajuan, dan kekuatan), dan kawalan motor (koordinasi, keseimbangan, dan

kelenturan). Tret pintar cerdas dapat diserlahkan melalui tiga perkara iaitu pendorong (catalyst). Catalyst Persekitaran merangkumi milieu iaitu fizikal, budaya, sosial, kekeluargaan (persekitaran rumah dan sistem kepercayaan). Contohnya ibu mendesak anak supaya sentiasa mendapat Gred A, keluarga yang mementingkan akademik, kemudahan pembelajaran disediakan dalam rumah. Individual, keluarga, ibu bapa, kawan-kawan, guru dan mentor menjadi contoh dan ikutan oleh kanak-kanak. Pendidikan khusus meliputi aspek kurikulum, pedagogi, pengayaan, pecutan mempengaruhi persekitaran dan gaya pembelajaran murid pintar cerdas. Catalyst interpersonal iaitu faktor yang terdapat dalam diri merangkumi: ciri-ciri fizikal seperti kecacatan, kesihatan dan penampilan. Pelajar yang mempunyai ciri mental seperti perangai, personaliti, dan ketahanan emosi (Gagné, 2010). Faktor catalyst yang ketiga ialah peluang. Catalyst peluang merupakan komponen terpenting yang mengawal keseluruhan catalyst pintar cerdas (Merrotsy, 2017). Menurut Gagne (2008), individu pintar cerdas memiliki peluang untuk menajamkan ciri pintar cerdas diri apabila keperluan mereka dipenuhi seperti dalam catalyst persekitaran dan interpersonal. Contohnya kanak-kanak pintar cerdas yang lahir dalam keluarga berada dan sentiasa mengutamakan pendidikan memberikan peluang kepada kanak-kanak tersebut mengembangkan bakat sehingga ke tahap optimum.

Memahami Tingkah Laku Pelajar Pintar Cerdas

Biasanya kanak-kanak pintar cerdas yang mempunyai minat mendalam dalam sesuatu perkara seperti muzik lebih cenderung untuk meluangkan masa dengan bermain muzik (Md Jais & Azu Farhana, 2020). Mereka mempunyai kekuatan untuk meneroka, sangat aktif, kurang tidur yang menyebabkan ibu bapa berasa penat untuk melayan karenah anak. Mereka berani untuk mencuba, suka bertanya, memberikan idea-idea pelik, tidak suka duduk diam serta mempunyai perasaan yang sangat sensitif (Rinn et al., 2018; Hasan, 2006). Contohnya mereka memberontak atau kemurungan apabila dimarahi kerana sensitif dengan tindakan marah. Kanak-kanak pintar cerdas boleh membezakan realiti dan fantasi. Contohnya sikap kanak-kanak yang membahaskan kejadian tuhan berdasarkan data. Kesempurnaan melampau (*perfectionism*) ialah isu paling besar dalam diri kanak-kanak pintar cerdas. Mereka mudah berasa kecewa dan marah apabila tidak dapat menyempurnakan sesuatu tugasan. Cepat membaca dengan pemahaman yang baik terhadap penggunaan bahasa, belajar perbendaharaan kata dengan cepat, belajar secara berdikari, memberi fokus yang panjang kepada perkara yang diminati dan berpersonaliti kreatif (Ummu Aiman, 2018).

Shore et al. (2019) menjelaskan kanak-kanak yang pintar cerdas tidak mempunyai ramai kawan dan gemar bersendiri. Hal ini didorong perkembangan *asynchrony* yang menyebabkan mereka sukar untuk bersosial, malah gemar bekerja sendirian. Namun, sikap anti-sosial ini akan pudar ketika mereka dewasa setelah masuk universiti. Kajian Mofield dan Parker (2019) mendapati pelajar pintar mempunyai ciri kesempurnaan melampau di mana mereka tidak mahukan kegagalan, mementingkan kesempurnaan dan mengambil langkah untuk berusaha keras mencapai kecemerlangan. Namun, perkara ini boleh membuatkan mereka tertekan seterusnya gagal menyempurnakan sesuatu tugasan, membuat penangguhan kerja yang akhirnya meletakkan mereka sebagai murid yang lemah.

Pelajar pintar cerdas merupakan pemerhati yang baik dan gemar melakukan aktiviti intelektual. Mereka suka menyoal tentang mengapa perlu belajar sesuatu topik, bersikap skeptikal namun mempunyai simpanan memori yang besar menyebabkan mereka boleh mengingat peristiwa-peristiwa lepas (Md Jais et al., 2020). Ciri kreatif ini kebanyakannya boleh diperhatikan dalam program-program pementoran. Contohnya kanak-kanak mengaitkan bagaimana persamaan linear boleh disamakan dengan hidupan. Bahkan, mereka sukakan kepada animasi dan menghargai alam. Pelajar yang tinggi kepintaran menunjukkan perkembangan yang tidak sejajar (*asynchronous*) contohnya umur yang muda berfikir seperti fikiran dewasa 17 tahun tetapi masih mempunyai emosi kanak-kanak. Perkara ini selaras dengan Neihart et al. (2002) yang mendefinisikan pelajar pintar cerdas terdiri daripada kalangan yang mempunyai perkembangan tidak sejajar (*asynchoronous*). Pelajar ini mempunyai tahap IQ yang sangat tinggi yang menyebabkan pembelajaran bukan untuk memahamkan konsep tetapi mendalami sesuatu topik. Oleh kerana mempunyai kemahiran kognitif yang tinggi, pelajar ini tidak faham tentang konsep yang abstrak seperti ketuhanan menyebabkan murid tidak menggemari program-program kerohanian yang bertentangan dengan prinsip mereka. Tahap mental tidak seimbang dengan perkembangan fizikal dan emosinya. Perkembangan yang tidak konsisten menyebabkan jurang antara kebolehan berfikir dengan pengurusan emosi serta tingkah laku.

Tingkah laku dan pilihan yang berbeza timbul daripada kebolehan. Kesedaran tentang sosial dan emosi ciri-ciri pelajar pintar boleh terus membantu guru memahami banyak tingkah laku kelas mereka memerhatikan anak-anak ini (Cross, 2018). Sebagai contoh, keinginan kanak-kanak berbakat untuk berkongsi pengetahuan boleh dilihat oleh

orang lain sebagai ancaman manakala kebolehan untuk memimpin mengundang penolakan rakan sebaya. Harapan tinggi pelajar yang berbakat kepada orang lain boleh membawa kepada tret kesempurnaan melampau, ketidakpuasan peribadi, atau perasaan putus asa (Clark, 2002). Pelajar berbakat secara rutin mempamerkan akademik dan ciri emosi yang boleh digambarkan sebagai teliti dan pada masa-masa tertentu menjadi melampau. Mereka sentiasa ingin tahu (*curious*), suka mendesak, dan sensitif berbanding perkembangan tipikal rakan sebaya mereka (Hasan, 2006). Kanak-kanak pintar cerdas berbakat adalah unik dan memerlukan ibu bapa dan pendidik untuk mengubah suai persekitaran rumah dan sekolah untuk memenuhi keperluan kuat mereka untuk meneroka sesuatu perkara.

Pengayaan adalah sangat penting sekiranya pelajar pintar cerdas sudah mencapai potensi tertinggi. Kajian lepas mendapati pelajar pintar cerdas cenderung ke arah aktiviti yang menjurus kepada bidang kesenian seperti muzik yang boleh dijadikan sebagai aktiviti pengayaan (Md Jais et al., 2018; Md Jais, 2017). Namun, guru harus ingat bahawa tidak semua kanak-kanak pintar cerdas akan memaparkan setiap ciri kepintaran dengan jelas. Malah, secara intelek pelajar pintar cerdas yang mempunyai perkembangan tidak sejajar *(asynchoronous*) boleh mempamerkan kebolehan mereka dengan cara lain. Oleh itu, terdapat banyak prosedur yang perlu dipertimbangkan untuk mengenal pasti pelajar pintar cerdas termasuk kebolehan berbahasa dan keadaan sosioekonomi. Malangnya, penyelidikan telah menunjukkan bahawa guru sering terlepas pandang kewujudan pelajar pintar cerdas di dalam kelas melainkan mereka menunjukkan ciri-ciri yang jelas seperti tingkah laku yang baik dan tinggi pencapaian akademik (Post, 2016). Realiti ini menunjukkan perlunya ada maklumat tambahan mengenai ciri-ciri pelajar di semua sekolah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tingkah laku yang ditunjukkan oleh pelajar pintar cerdas untuk menyerlahkan bakat akademik di rumah, di sekolah serta di asrama.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual untuk pengumpulan data. Teknik persampelan mudah (*convenience*) digunakan untuk mencari sampel yang terdiri daripada lima orang ibu bapa pelajar pintar cerdas, tiga orang pensyarah, dan enam orang pelajar pintar cerdas. Ibu bapa yang terdiri daripada tiga orang ibu dan dua orang bapa ditemu bual secara temu bual mendalam

semi berstruktur. Pensyarah yang ditemu bual melibatkan seorang pensyarah lelaki dan dua orang pensyarah perempuan yang berumur dalam lingkungan 25 hingga 32 tahun. Mereka berpengalaman mengajar pelajar pintar cerdas lebih dari dua tahun yang ditemu bual secara temu bual mendalam semi berstruktur. Bidang pengajaran pensyarah merangkumi subjek Kimia, Matematik Tambahan, dan Pendidikan Muzik. Manakala pelajar pintar cerdas yang ditemu bual melibatkan tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan pelajar berumur 13 tahun yang telah melepasi ujian saringan kepintaran dan sedang melanjutkan pelajaran di Kolej GENIUS@Pintar cerdas Negara ditemu bual secara temu bual berkelompok. Profil responden ditunjukkan seperti Jadual 1.

Jadual 1

Profil Responden

Responden	Jantina	Umur
Ibu 01	Perempuan	42 tahun
Ibu 02	Perempuan	45 tahun
Ibu 03	Perempuan	43 tahun
Bapa 01	Lelaki	41 tahun
Bapa 02	Lelaki	43 tahun
Pensyarah 01	Lelaki	33 tahun
Pensyarah 02	Perempuan	28 tahun
Pensyarah 03	Perempuan	28 tahun
Pelajar 01	Lelaki	13 tahun
Pelajar 02	Lelaki	13 tahun
Pelajar 03	Lelaki	13 tahun
Pelajar 04	Perempuan	13 tahun

(sambungan)

Responden	Jantina	Umur
Pelajar 05	Perempuan	13 tahun
Pelajar 06	Perempuan	13 tahun

Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual sebagai cara mengumpul data dalam kajian ini kerana kaedah temu bual bersifat fleksibel, membuatkan responden selesa, dan lebih banyak data boleh diperolehi (Creswell & Poth, 2016; Azizi et al., 2006). Kaedah temu bual kelompok dijalankan mengikut panduan Frey dan Fontana (1991) iaitu temu bual dijalankan secara tidak formal tetapi soalan yang terperinci ditanya kepada kelompok responden.

Analisis data temu bual adalah menggunakan kaedah tematik di mana data-data dikategorikan membentuk tema yang berhubungan sebagaimana yang pernah dijalankan oleh Braun dan Clarke (2012). Analisis tematik dijalankan dengan tahap pemulaan menganalisis data dan diikuti oleh proses lanjutan iaitu memasuki bahagian pembinaan kod dan diakhiri dengan bahagian pemaparan data dalam bentuk matriks atau jadual, jaringan, peta konsep, carta alir, rajah bagi memudahkan pembaca untuk meneliti penemuan kajian yang diperoleh.

Di samping itu, kajian ini juga menggunakan tiga jenis pengekodan iaitu (i) pengekodan umum (*open coding*); (ii) pengekodan kelompok (*axial coding*); dan (iii) pengekodan terpilih (*selective coding*) (Merriam, 1988, & 2009) bagi mendapatkan dapatan kajian yang dipadankan bersama teori kajian pada akhir proses penganalisisan data. Ketiga-tiga jenis kod ini juga dikenali sebagai pengekodan deskriptif (*descriptive coding*) yang bertujuan untuk mengumpulkan kesemua kod pada awalnya, kemudiannya melalui proses pengekodan mengikut topik (*topic coding*) dan akhirnya dihimpunkan bagi membentuk sesuatu konsep atau tema iaitu pengekodan analitik (*analytic coding*) (Morse & Richards, 2002; Gibbs, 2007). Pengkaji mengadaptasi model pembinaan analisis tematik seperti saranan Marzni et al. (2018) yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1

Model Pembinaan Analisis Tematik (Marzni et al., 2018)



(Marzni et al., 2018)

DAPATAN KAJIAN

Dapatan Temu bual Ibu Bapa

Kelima-lima peserta kajian, berjaya mengutarakan pandangan mereka terhadap tingkah laku unik yang ditunjukkan anak mereka ketika berada di rumah. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada pengetahuan sedia ada serta pengalaman mengasuh dan tinggal bersama dengan pelajar pintar dan berbakat. Dalam kajian ini, variasi tingkah laku diperincikan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Perincian Temu Bual Bersama Ibu Bapa

Variasi Tingkah laku	Perincian Temu Bual
i) Suka Membaca	*hah anak saya suka baca buku fantasi Inggeris seperti Harry Potter, Dork Diaries, Peter Pan dan banyak lagi*. (Ibu 01) *Dalam umur 4 tahun anak saya dah boleh membaca. Buku selalu di tangan. Lepas baca buku, dia boleh ceritakan semula apa yang dibaca panjang lebar. (Bapa 02)*
ii) Melukis dan Muzik	*Emm anak saya ni kreatif. Dia suka melukis gambar-gambar macam gambar naga, kartun Jepun, dan muka sendiri. Lukisan dia pulak cantik-cantik. . Dia suka meluah perasaan dengan melukis pada kertas A4. Dia lukis cantik-cantik dan post dalam YouTube. Tulisan dia pun cantik especially tulisan jawi khat. (Ibu 02)* *Dia boleh nyanyi lagu yang panjang..dia dengar sekali dalam 10 minit lepastu boleh terus nyanyi, kadang-kadang lagu yang dah lama pun dia boleh ingat. Lagu-lagu yang dia suka nyanyi pun kadang-kadang saya tak pernah dengar tapi dia suka dan selalu nyanyi. (Ibu 03)*
iii) Sertai Aktiviti Mencabar Minda	*Dia suka buat aktiviti yang perlu fikir contohnya main scrabble, silang kata, rubik dan catur. (Ibu 01)* *Kat sekolah dia selalu masuk macam-macam... pidato, syarahan, sukan..hmm banyak. (Bapa 02)* *Anak saya memang suka main catur...dia selalu menang bila masuk pertandingan catur. (Ibu 03)*

(sambungan)

Variasi Tingkah laku	Perincian Temu Bual
iv) Komitmen	*Bila diberi tugas, dia sedaya upaya akan siapkan.. kadang-kadang sampai lewat malam hingga ke pagi. (Bapa 01)* *Err satu perkara yang pelik dia sangat konsisten tingkah laku baik yang ditunjuk dalam tv atau cikgu suruh contohnye pakai baju menutup aurat sejak umur tujuh tahun, tidak pernah makan gula-gula untuk menjaga gigi, memakai baju yang diperbuat dari kain cotton sahaja dan tidak pernah tinggalkan solat sejak dari kecil bermula umur lima tahun. (Ibu 01)*
v) Sayang haiwan	*Hmm...dia suka kucing, peluk kucing dan mandikan.dia selalu juga cakap dengan kucing, luahkan masalah.. bila ada kucing mati je dia akan sedih kadang-kadang nangis.. (Ibu 02)* *Dia ada bela tikus belanda, suka sangat belai-belai tikus tu..(Ibu 03)* *Kalau dia dengar berita ada binatang yang didera atau dizalimi, anak saya akan memberontak, rasa marah, dan maki-maki..(Bapa 02)*

Berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama ibu bapa pelajar mendapati para pelajar menunjukkan sikap yang luar biasa berbanding anak di aliran perdana. Pelajar sangat suka membaca buku terutamanya buku-buku fantasi. Mereka sudah mula bercakap pada umur satu tahun dan mahir membaca sejak dari kecil lagi kira-kira umur 4 tahun. Pelajar dikatakan kreatif kerana gemar meluang masa untuk melukis dan mendengar muzik. Lukisannya sangat cantik dan mengandungi unsur-unsur yang abstrak seperti hubungan kekeluargaan, dan luahan perasaan. Kreativiti yang ada ingin diperluaskan dengan menyatakan hasrat untuk menjana pendapatan dari *YouTube*. Pelajar mempunyai prinsip sendiri. Mereka tidak berkawan sebarangan serta memilih dalam banyak perkara seperti makanan, pakaian, gajet, buku, dan sebagainya.

Mereka berpegang pada prinsip diri dan tidak dapat menerima cadangan atau idea yang bertentangan dengan idea mereka. Mereka mempunyai memori yang kuat kerana boleh mengingat dan mengulang semula perkara yang telah dibaca atau dipelajari walaupun baru pertama kali mempelajarinya. Contohnya pelajar boleh menyanyikan sebuah lagu dengan baik dalam masa 10 minit selepas pertama kali mendengar lagu tersebut dan mengingat arah jalan untuk ke sesuatu tempat. Walau bagaimanapun, pelajar akan berdiam diri terhadap

perkara yang tidak menarik minatnya. Selain itu, pelajar kerap bertanya dan mengeluarkan kata-kata yang tidak terjangkau di fikiran ibu bapa. Mereka mampu menganalisa kebolehan orang lain. Mereka juga suka dengan aktiviti yang menjana minda seperti *scrabble*, bina perkataan, rubik dan catur. Semua perkara yang dilakukan jikalau boleh diselesaikan dengan pantas, kemas dan sempurna. Contohnya, pelajar menulis tulisan khat dengan sangat cantik dan kemas ketika berusia lapan tahun. Bagi menghasilkan produk yang terbaik, pelajar sanggup bangun awal pagi iaitu pukul 4.00 pagi untuk menyiapkan kerja rumah. Pelajar ialah anak yang sangat patuh terhadap arahan dan nasihat ibu bapa.

Mereka tidak pernah melawan dan sensitif apabila dimarahi. Keprihatinan terhadap tugasan yang diberi amat tinggi kerana pelajar berusaha keras menyiapkan tugasan yang diberikan oleh guru disiapkan seawal mungkin. Apabila diberikan tanggungjawab, pelajar cuba menjalankan tugas sehabis baik. Pelajar juga suka membela haiwan. Mereka sangat sayangkan haiwan seperti tikus belanda dan kucing. Pelajar mempunyai kebolehan tersendiri dalam bidang sukan seperti olahraga (lompat tinggi) dan permainan. Mereka juga boleh bermain kebanyakan jenis sukan tanpa latihan atau diajar. Pelajar mempraktik atau melakukan sesuatu perkara secara konsisten dalam masa yang lama. Contohnya pelajar berpakaian menutup aurat sejak umur tujuh tahun, tidak pernah makan gula-gula untuk menjaga gigi, memakai baju yang diperbuat dari kain *cotton* sahaja dan tidak pernah tinggalkan solat sejak dari kecil bermula umur lima tahun.

> *"Anak saya suka membaca buku-buku fantasi Inggeris. Dia suka meluah perasaan dengan melukis pada kertas A4. Dia patuh bila diberi tanggungjawab. Selama dia lahir, ikhlas saya katakan dia tak pernah melawan cakap. Anak saya suka bercakap dengan hamster kesayangannya yang bernama Si Fatty. Anak saya matang dalam pergaulan, pendiam dan sensitif. Dia suka cabar diri dalam apa jua aktiviti di sekolah"*. (Bapa 02)

Dapatan Temu Bual Pensyarah

Ketiga-tiga peserta kajian berjaya mengutarakan pandangan mereka terhadap tingkah laku unik yang ditunjukkan pelajar pintar cerdas ketika berada di sekolah iaitu ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada

pengetahuan sedia ada serta pengalaman mengasuh dan tinggal bersama dengan pelajar pintar dan berbakat. Dalam kajian ini, variasi tingkah laku diperincikan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Perincian Temu Bual Bersama Pensyarah

Variasi Tingkah laku	Perincian Temu Bual
i) Guna Cara Sendiri	*Dia macam pelajar ni suka guna cara sendiri. Kalau saya ajar diorang tak ikut cara yang saya buat tapi buat dengan cara sendiri. Lepastu diorang akan bagitau yang cara yang diorang buat pun betul. Contohnya eksperimen yang menggabungkan unsur argentum nitrat dengan ion klorida. (Pensyarah 01)* *Diorang ada acara sendiri untuk mahir nyanyian solfa. Contohnya ada budak yang kena lari dua pusingan baru dapat nyanyi solfa. (Pensyarah 03)*
ii) Kerap Berbahas	*Diorang selalu pertikaikan cara pensyarah gabungkan bahan kimia, kenapa tidak gunakan bahan kimia yang lain. Err…diorang suka juga pertikaikan markah. (Pensyarah 01)* *Pelajar selalu mempertikaikan markah yang diperolehi. diorang juga mempersoalkan bagaimana pensyarah dapat menyelesaikan masalah Matematik sedangkan ada acara yang lebih mudah. Diorang telah bersedia awal dengan idea-idea mereka dan selalu berbahas dengan pensyarah. (Pensyarah 02)*
iii) Kerap Bertanya	*errr diorang selalu bertanya mengapa perlu belajar Matematik, diorang selalu datang jumpa saya setiap petang dan tanya tentang cara menyelesaikan masalah Matematik. (Pensyarah 02)* *kenapa perlu belajar Muzik, kenapa kena main rekoder. Ada juga yang datang untuk belajar piano. Kadang-kadang saya rasa lemas sebab student banyak sangat tanya. (Pensyarah 03)*

(sambungan)

Variasi Tingkah laku	Perincian Temu Bual
iv) Komitmen Tinggi	*aaa diorang ni bila minat sesuatu, diorang akan betul-betul fokus. Contohnya kalau minat piano dan gitar, diorang akan praktis siang dan malam. Diorang boleh gunakan masa sampai 1 hari untuk berlatih sahaja. Ada satu hari tu saya tengah mengajar Nampak student tengah cipta lagu hingga tebal satu buku. (Pensyarah 03)* *Bila diberi tugasan, diorang akan siapkan dengan sehabis baik sampai tak tidur malam. Diorang juga sanggup datang jumpa pensyarah pada waktu tengah malam. (Pensyarah 01)*

Berdasarkan temu bual bersama pensyarah subjek Kimia mendapati pelajar-pelajar pintar cerdas menggunakan cara tersendiri untuk menyelesaikan sesuatu masalah tanpa mengikut cara yang dicadangkan. Contohnya mereka menggunakan unsur-unsur kimia sendiri sewaktu menjalankan eksperimen tanpa mengikut buku. Ketika menjalankan eksperimen, mereka gemar untuk mencadangkan prosedur pelaksanaan yang berbeza daripada cara yang disediakan pensyarah. Prosedur yang dicadangkan itu akan diuji sama ada berkesan atau tidak. Kebanyakannya menghasilkan produk yang berkesan dan setanding dengan cara yang dicadangkan.

Pelajar mencadangkan aplikasi baru yang tidak dinyatakan dalam buku dan kerap membahaskan sekiranya terdapat isi pelajaran yang bertentangan dengan fikiran mereka. Contohnya dalam buku mencadangkan untuk menggunakan argentum nitrat untuk menguji kehadiran ion klorida yang akan menghasilkan mendakan putih. Sedangkan hasil tersebut juga dapat dihasilkan menerusi plumbum nitrat. Maka, pelajar mempersoalkan penggunaan argentum nitrat dalam proses ini. Hal ini menunjukkan pelajar pintar cerdas kreatif kerana tidak berpegang kepada satu cara sahaja, malah bertindak secara rasional dengan menggunakan cara yang lain. Mereka juga gemar untuk menghafal formula kimia serta unsur-unsur kimia dengan nama-nama yang sebenar daripada menghafal dengan menggunakan akronim atau simbol. Mereka juga mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi tentang mekanisme tindak balas mangkin dalam sesuatu proses kimia.

Pelajar menghubungkan idea dengan pantas untuk menyelesaikan sesuatu masalah contohnya menukarkan sebatian alkina kepada

sebatian asid karbosilik. Pelajar juga didapati mengumpulkan kesemua idea untuk menyelesaikan masalah daripada menyusun idea satu-persatu secara konvensional. Melalui cara ini, masalah dapat diselesaikan dengan pantas. Mereka mempunyai azam yang tinggi untuk belajar topik yang lebih banyak dan mencabar. Contohnya, dalam pembelajaran jadual berkala, pelajar ingin meneroka kesemua unsur dalam jadual berkala walaupun topik pembelajaran pada ketika itu hanya mengkaji unsur hidrogen hingga kalsium sahaja.

Dalam kelas Matematik pula didapati pelajar mudah berputus asa apabila tidak dapat selesaikan masalah Matematik. Pelajar ini enggan menjawab soalan-soalan latihan Matematik yang diberikan guru kerana mereka sudah hilang minat dengan Matematik. Pelajar-pelajar ini mempunyai persepsi yang negatif terhadap Matematik dengan menganggap Matematik itu neraka, Matematik itu pembunuh, dan sebagainya. Ada juga pelajar yang sudah mempunyai maklumat yang lebih tinggi daripada pensyarah dan mempersoalkan topik pelajaran yang diperkenalkan pensyarah. Contohnya dalam topik kebarangkalian, pelajar mempunyai idea yang berbeza dengan pensyarah. Pelajar mempersoalkan idea yang bertentangan dengan apa yang difikirkan mereka. Pelajar juga dapat menyelesaikan sesuatu masalah Matematik dengan sangat pantas berbanding umur mereka sehinggakan pensyarah sudah tidak tahu lagi latihan apa yang hendak diberikan. Didapati pelajar sudah bersedia awal dengan topik yang hendak dipelajari membolehkan mereka pantas menjawab segala persoalan yang diutarakan pensyarah. Hal ini diperjelas melalui transkripsi berikut:

> *"Ada sekelompok pelajar yang semua dah tahu. Saya tak perlu ajar lagi. Mereka sudah bersedia awal dengan membaca nota, bertanya kawan, dan membuat latihan sendiri. Dalam kelas biasanya saya memberikan topik yang lebih tinggi kepada mereka berbanding pelajar lain. Kadang-kadang saya tak tahu nak ajar apa kepada mereka sebab semua topik telah dikuasai". (Pensyarah 02)*

Pelajar juga kerap mempersoalkan mengapa perlu belajar Matematik terutama sekali apabila terdapat kemahiran yang tidak berkaitan dengan hidup mereka. Pelajar juga sangat rajin datang berjumpa dengan pensyarah untuk bertanya soalan dan membuat latihan Matematik. Mereka sanggup datang pada waktu malam untuk berjumpa dengan pensyarah dan meluangkan masa yang lama dengan pensyarah.

Dalam kelas muzik pula, terdapat pelajar yang menggunakan psikomotor semasa belajar. Contohnya, apabila sukar untuk menyanyi dengan pic yang betul, pelajar berlari keliling kelas sebanyak dua pusingan kemudian berjumpa dengan pensyarah untuk mempersembahkan nyanyian dengan pic yang betul. Pelajar juga berjoging di belakang kelas ketika guru sedang mengajar di hadapan. Pelajar akan membangkang apa yang dinyatakan pensyarah sekiranya topik yang dipelajari bertentangan dengan dapatan mereka. Contohnya pensyarah menyatakan piano tergolong dalam keluarga genderang (perkusi) tetapi pelajar membantah dengan menyatakan piano sebenarnya dari keluarga *Strings* dan membuktikannya dengan data yang diperolehi dari internet. Selain itu, terdapat pelajar yang tidak menumpukan perhatian ketika pembelajaran dalam kelas sebaliknya gemar mencipta lagu. Pada akhir kelas muzik, didapati pelajar telah siap mencipta (*compose*) satu buku lagu yang terdiri daripada lagu-lagu klasikal. Ada juga pelajar yang cenderung dalam permainan instrumen muzik. Walaupun tidak pernah memegang instrumen muzik seperti piano, namun pelajar dapat menguasai permainan piano dalam masa dua hari tanpa bimbingan pensyarah. Pelajar belajar dengan tekun dan sanggup meluangkan masa yang lama apabila mereka minat terhadap sesuatu instrumen muzik. Contohnya, pelajar dapat duduk dan meneroka piano sehingga tiga jam tanpa menghiraukan orang di sekeliling. Pelajar juga didapati sangat sensitif apabila markah mereka rendah. Mereka mempersoalkan kriteria yang dinilai, rubrik pemarkahan dan cara penilaian pensyarah. Mereka juga kerap kali memujuk pensyarah supaya diberi peluang kedua untuk memperbaiki kesalahan dan menambah markah supaya dapat Gred A+.

Dapatan Temu Bual Pelajar Pintar Cerdas

Keenam-enam peserta kajian (pelajar pintar cerdas) berjaya mengutarakan pandangan mereka terhadap tingkah laku unik yang ditunjukkan rakan mereka yang juga pelajar pintar cerdas ketika berada di sekolah iaitu ketika bersama di kelas dan asrama. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada pengalaman bersosial dengan rakan-rakan yang pintar cerdas. Dalam kajian ini, variasi tingkah laku diperincikan dalam Jadual 4:

Jadual 4

Perincian Temu Bual Berkelompok Bersama Pelajar Pintar

Variasi Tingkah laku	Perincian Temu Bual
i) Aktif	*Kawan yang pintar berani untuk jawab soalan pensyarah dan memegang jawatan. Biasanya dia pandai lead dan selalu ke depan. (Pelajar 01, Pelajar 03, Pelajar 04)* *Diorang masuk apa saje menang, dapat banyak sijil dan piala. Dalam kelas selalu tak ada sebab banyak join aktiviti sekolah, tapi dapat skor. (Pelajar 06)*
ii) Sendirian	*Diorang tak ramai kawan. Selalu jalan sorang-sorang dan buat kerja sorang-sorang. Bukannya kitorang tak nak kawan tapi kadang-kadang kita tak selesa sebab dia suka bercakap benda yang kitorang pun tak tahu. (Pelajar 02, Pelajar 03)*
iii) Sopan	*Diorang tak guna bahasa kesat. Selalu bagi salam dan guna bahasa yang baik. (Pelajar 05)*
iv) Membaca buku	*aaa diorang memang obsess dengan buku. Kalau berjalan buku mesti dengan buku. Diorang boleh baca buku di mana-mana sahaja. (Pelajar 02, Pelajar 03, Pelajar 06)*

Berdasarkan temubual berkelompok para responden telah memberikan respon terhadap rakan-rakan mereka yang tergolong dalam kumpulan pelajar pintar cerdas. Hasil temu bual mendapati pelajar pintar cerdas mempunyai ego yang tinggi dan suka bersendiri. Mereka tidak mempunyai rakan kerana ego tetapi berani untuk menonjolkan diri di hadapan pensyarah. Mereka tidak ingin dipandang rendah dan berusaha untuk membuktikan dirinya lebih hebat dari orang lain. Contohnya pelajar memberitahu rakan yang dia merupakan ketua murid, memenangi piala peringkat kebangsaan, memperoleh keputusan cemerlang, dan bersekolah di sekolah berprestasi tinggi. Sikap ini jelas menunjukkan pelajar pintar cuba berusaha yang terbaik menonjolkan dirinya dan bercita-cita tinggi tanpa memandang ke bawah. Dengan sikap sebegini ramai kawan yang tidak menyenangi sikap pelajar pintar cerdas yang kerap membangga diri menyebabkan pelajar pintar cerdas tiada kawan dan sentiasa bersendirian. Namun, bersendirian juga merupakan kekuatan buat mereka. Dengan bersendirian, mereka memberi fokus semasa membuat tugasan yang memakan masa yang lama.

Hal ini disokong dengan maklum balas daripada responden yang menyatakan rakannya yang pintar cerdas suka bekerja sendiri dalam tempoh 4 jam untuk mempelajari topik baru tanpa rasa jemu. Tugasannya dapat disiapkan dengan sempurna dan dihantar mengikut waktu yang dijadualkan. Selain itu, ada juga pelajar pintar cerdas yang berani untuk mencalonkan diri sebagai ketua. Mereka tidak berasa malu untuk ke depan memberikan ucapan yang jelas dan meyakinkan. Apabila memegang amanah seperti ini, pelajar dilihat sangat komited menunaikan tanggungjawab. Teguran dibuat pada tempatnya tanpa menyinggung perasaan rakan yang lain. Hal ini menunjukkan pelajar pintar cerdas mempunyai kualiti kepimpinan berpunca dari sikap yang memahami perasaan orang lain. Ciri ini merupakan salah satu tingkah laku yang menyebabkan rakan-rakan mudah untuk melantik pelajar pintar cerdas menjadi ketua. Hal ini diperjelas melalui transkripsi berikut:

> *" Saya suka bila kawan saya (pelajar pintar cerdas) jadi ketua. Dia sangat memahami perasaan saya, dan menegur bila perlu. Dia akan menegur terhadap kesalahan pelajar lain dan menunjukkan contoh teladan yang sangat baik. Dia juga akan mempertahankan hak pelajar lain dan membantu pelajar yang mempunyai masalah. Saya sangat selesa dengan pimpinannya". (Pelajar 01, Pelajar 02)*

Tambahan lagi, ada pelajar yang peramah dan sentiasa mempunyai idea untuk bercakap. Tingkah laku yang ditunjukkan sangat sopan contohnya sentiasa memberi salam kepada kawan, tidak pernah tinggikan suara, menggunakan bahasa yang bertatasusila, dan bijak menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi. Pelajar tidak malu untuk meluahkan perkara yang sensitif dan sukar difahami. Mereka berfikiran terbuka untuk menceritakan masalah berkaitan keluarga dan pergaulan dengan rakan. Kebanyakan pelajar pintar cerdas bercakap laju dan menggunakan laras bahasa atau dialek yang pekat. Contohnya pelajar yang berasal dari Kelantan bercakap semasa pembentangan Bahasa Inggeris yang jelas kedengaran dialek Kelantan. Walau bagaimanapun, pelajar pintar cerdas didapati suka bercakap tentang apa yang difikirkan sehingga menganggu orang lain. Hal ini membuatkan kawan-kawan bertindak menjauhi pelajar pintar kerana tidak tahan mendengar ceramah pelajar pintar yang sangat lama. Terdapat pelajar yang obses dengan buku. Mereka membawa dan membaca buku di mana-mana sahaja. Namun, bukan semua buku

diminati mereka. Terdapat buku tertentu yang diminati contohnya '*Understanding Physics'*.

Selain itu, pelajar gemar bersendirian terutama ketika mengulang kaji pelajaran dalam tempoh yang lama. Dalam pergaulan, pelajar pintar cerdas mempunyai rakan tertentu yang boleh dibawa berbincang. Jika mereka berada di dalam kumpulan yang tidak setaraf dengan minat dan pemikiran mereka, maka pelajar pintar cerdas hanya diam. Ada juga pelajar mempunyai keyakinan sangat tinggi untuk menerangkan kebolehan diri di hadapan khalayak sehingga tidak menghiraukan orang lain. Mereka tidak malu untuk mencalonkan diri sebagai ketua. Begitu juga dalam kelas, pelajar tidak malu untuk menjawab soalan guru walaupun jawapan yang diberikan belum tentu betul. Dia suka memaksa orang dengar cakap dia.

Perbincangan

Berdasarkan keputusan kajian menunjukkan pelajar pintar cerdas mempunyai tingkah laku yang jelas untuk menyerlahkan bakat akademik. Analisa perbandingan tingkah laku unik pelajar pintar cerdas dari perspektif ibu bapa, pensyarah dan rakan boleh diteliti berdasarkan Jadual 5.

Jadual 5

Perbandingan Ciri Tingkah Laku Unik Pelajar Pintar Cerdas

Perspektif Ibu Bapa	Perspektif Pensyarah	Perspektif Rakan
Membaca	Guna Cara Sendiri	Aktif
Melukis dan Muzik	Kerap Berbahas	Sendirian
	Kerap Bertanya	Sopan
Sertai Aktiviti Mencabar Minda		
Komitmen	Komitmen Tinggi	Suka membaca
Sayang Haiwan		

Triangulasi data temu bual menunjukkan pelajar pintar cerdas menjadikan buku sebagai rujukan utama dan sentiasa membawa buku. Hal ini selaras dengan Wood (2008) yang mengatakan kanak-kanak yang dikenalpasti pintar cerdas terdiri daripada golongan yang

kompeten dan mahir membaca. Mereka obses terhadap buku dan membawa buku ke mana-mana. Pelajar pintar cerdas juga mempunyai berupaya meluangkan masa yang sangat lama melakukan sesuatu kerja atau tugasan. Hal ini selari dengan kajian Wai (2015) yang mendapati pelajar pintar cerdas meluangkan masa yang lama untuk meneroka bidang akademik terutamanya bidang STEM tanpa rasa penat dan jemu. Kajian menunjukkan tret kepintaran akan terserlah sekiranya pelajar didedahkan dalam persekitaran yang menyokong pembelajaran mereka (Siegle et al., 2020).

Selain itu, pelajar pintar cerdas gemar terhadap perkara-perkara yang berfakta dan selalu bertanya untuk mendapatkan jawapan yang konkrit. Mereka mempunyai daya ingatan yang kuat dan mudah mempelajari sesuatu. Hal ini tidak dapat dinafikan kerana kajian lepas telah membuktikan bahawa pelajar pintar cerdas mempunyai ciri khusus iaitu kerap bertanyakan soalan kerana faktor *curiosity* dalam diri, memiliki memori yang tajam, menyelesaikan masalah dengan cara tersendiri dan pantas belajar (Smutny et al., 2000). Pelajar pintar cerdas juga cenderung terhadap aktiviti kesenian seperti muzik dan seni visual. Mereka gemar mendengar lagu, bermain alat muzik dan melukis. Hal ini selari dengan kajian Md Jais et al. (2018) yang membuktikan pelajar pintar cerdas mempunyai kecenderungan bermain instrumen muzik, membuat persembahan kesenian, menyanyi dan meneroka teori muzik. Muzik juga dikatakan sangat sesuai untuk pelajar mengekspresi perasaan, meningkatkan kreativiti, dan menggilap bakat (Ismail et al., 2021).

Di samping itu, pelajar pintar cerdas sering kali berusaha untuk meluahkan idea yang ada. Mereka menyampaikan idea secara verbal, penulisan, media massa, ataupun platform teknologi seperti *Youtube, Blog*, dan sebagainya. Namun, kebanyakan orang tidak selesa dengan cara pelajar pintar cerdas menyampaikan idea kerana terlalu banyak perkara yang dikongsikan, memakan masa yang lama, dan sikap pelajar pintar cerdas yang memaksa audien mendengar luahan ideanya (Manning, 2006). Idea yang disampaikan kadang-kadang tidak masuk akal kerana pelbagai bidang dicampurkan menyebabkan penyampaian idea yang berkecamuk dan tidak tersusun (Gross, 2004). Idea-idea yang banyak dan tidak tersusun ini berpunca dari rasa *curiosity* yang menebal hasil penerokaan mendalam dilakukan oleh pelajar pintar cerdas. Hasil penerokaan ini kemudiannya digabungkan dengan pemikiran sedia ada dan cuba dirasionalkan mengikut teori sendiri. Kadang-kadang terdapat idea yang bernas dan logik diluahkan. Namun, ada juga idea yang agak kabur dan tidak

relevan akibat daripada pemikiran yang bercanggah dengan praktis sebenar serta kurang pengalaman.

Kajian al-Khayat et al. (2017) menyarankan supaya idea-idea pelajar pintar cerdas ini boleh disusun dan disampaikan dengan jelas melalui bimbingan terhadap strategi berfikir secara kreatif, strategi berfikir secara kritikal, dan bimbingan untuk membentangkan pendapat. Hal ini menunjukkan peranan guru sebagai pembimbing pelajar pintar cerdas amat penting bagi memacu tret kepintaran akademik pelajar ke landasan yang betul. Keputusan juga mendapati pelajar pintar cerdas telah menunjukkan tingkah laku unik seperti bangun awal pagi menyiapkan tugasan sekolah, meluangkan masa yang lama menyiapkan tugasan serta menghantar tugasan yang melangkaui kriteria yang diinginkan. Komitmen yang tinggi dalam menyiapkan tugasan menepati Teori Renzulli (Renzulli, 2016). Hal ini seterusnya menajamkan bakat akademik pelajar pintar cerdas kerana maklumat yang diperoleh hasil penerokaan yang teliti dan merentas bidang yang selari dengan Teori Gagne. Ia juga didorong sikap kesempurnaan melampau pelajar pintar cerdas yang sentiasa mengimpikan yang terbaik, kerja yang sangat sempurna serta lengkap (Mofield & Parker Peters, 2019). Tambahan lagi, sikap suka berdebat merupakan tingkah laku yang seringkali dihadapi oleh guru, ibu bapa dan rakan-rakan. Pelajar pintar cerdas berdebat kerana mereka mengharapkan penyelesaian yang jelas dan ingin mempertahankan idea mereka setelah penelitian dilakukan.

Hal ini memperkukuh kajian Jablonski dan Ludwig (2019) mendapati wujudnya perdebatan dalam subjek Matematik dalam kalangan pelajar pintar cerdas yang telah mempengaruhi kandungan pelajaran. Seterusnya, didapati tingkah laku suka bersendiri ialah tret yang jelas ditunjukkan. Kebanyakan pelajar pintar cerdas tidak mempunyai ramai kawan atau tiada kawan langsung menyebabkan pelbagai tugasan disiapkan sendiri. Mereka didapati bersendiri dalam melakukan aktiviti-aktiviti seperti membaca, menulis, menonton video, membuat kajian, bermain muzik dan melukis. Tingkah laku bersendiri ini selari dengan Shore et al. (2019) yang menerangkan tidak mempunyai ramai kawan dan gemar bersendiri. Hal ini didorong perkembangan *asynchrony* yang menyebabkan mereka sukar untuk bersosial, malah gemar bekerja sendirian.

Selain itu, pelajar pintar cerdas mengamalkan tingkah laku yang sopan serta taat terhadap peraturan. Pelajar ini sentiasa memberi salam terhadap ibu bapa, kawan dan guru, mengucapkan tutur kata

yang sopan, meminta maaf walau keesahan yang kecil, menunaikan solat lima waktu dan menutup aurat sejak kecil lagi. Pengkaji juga mendapati pelajar pintar cerdas mempunyai tingkah laku asertif di mana mereka berani untuk melakukan sesuatu perkara yang jarang dibuat pelajar normal seperti mencalonkan diri sendiri sebagai ketua, berjoging dalam kelas sewaktu proses pengajaran, dan menggunakan idea sendiri untuk menyelesaikan masalah tanpa mengikut cara yang telah disediakan. Hal ini sejajar dengan perspektif Teori Renzulli di mana cara dan idea tersendiri yang yang dicadangkan oleh pelajar pintar cerdas adalah berkaitan dengan keunikan pemikiran, keaslian dan sikap keterbukaan pelajar terhadap sesuatu rangsangan (Renzulli, 2020; Renzulli, 2016). Hal ini diperkukuhkan dengan persekitaran pembelajaran dan latar belakang keluarga pelajar yang membentuk kepercayaan pelajar terhadap sesuatu rangsangan selari dengan Teori Gagne (Gagne, 2010; Gagne, 2008).

KESIMPULAN

Menyoroti penemuan yang lebih baharu tentang kebolehan, ciri semula jadi kanak-kanak pintar cerdas, tingkah laku, dan perkembangan kognitif luar biasa semasa persekolahan, kajian ini sebagai panduan pembaca kreatif dan pengajaran berkonsepkan penyelidikan dan kemahiran strategik khusus untuk pendidikan pintar cerdas. Kajian ini telah menggambarkan cabaran yang bakal ditempuhi oleh para pendidik dalam struktur pendidikan pintar cerdas untuk memikirkan cara mengajar yang unik sebagai intervensi terhadap tingkah laku unik, serta saranan dari pelbagai perkara untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi pelajar pintar cerdas. Tingkah laku unik yang telah dikenalpasti ini memerlukan sepenuh perhatian, bukan hanya kepada pendidik malah ibu bapa termasuk orang awam. Kekhuatiran pengkaji terhadap risiko yang dialami oleh pelajar pintar cerdas apabila sikap semula jadi mereka yang kadang-kadang mendatangkan ketidakselesaan terhadap segelintir golongan masyarakat yang tidak memahami memacu ke lembah peminggiran. Dapatan data yang dikemukakan dalam kajian ini membongkarkan rahsia di sebalik tingkah laku yang unik bahawa ia sangat penting diserlahkan bagi memaju tret kepintaran demi menyerlahkan bakat akademik. Hakikat ini penting bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam pendidikan anak-anak pintar cerdas terutama guru dan ibu bapa untuk berusaha melakukan yang terbaik tanpa meminggirkan keprluan pelajar pintar cerdas. Bagi individu yang tidak memiliki tret pintar cerdas pula mempunyai corak kepintaran dan ciri-ciri uniknya

sendiri. Bahkan segelintir mereka mempunyai persamaan yang harus diteroka demi memenuhi antara satu sama lain.

Secara tuntas, pelajar yang pintar merupakan aset kepada negara. Mereka generasi yang bakal memimpin negara dan memacu ke arah kemajuan dan kesejahteraan negara. Oleh itu, langkah perlu dilaksanakan dari peringkat awal supaya pelajar pintar dapat disalurkan ke bidang kepakaran mereka seterusnya menyumbang kepada kemajuan bidang tersebut. Sebaliknya, ciri kepintaran akan merudum sekiranya tiada usaha menyerlahkannya dengan persekitaran yang tidak menggalakkan. Maka, pelbagai cara perlu dijalankan bagi memastikan kepintaran para pelajar terserlah dan dapat dipertingkatkan. Pengkaji mencadangkan supaya kajian berkaitan kurikulum khas untuk pelajar pintar cerdas dan penerokaan terhadap bidang pintar cerdas dijalankan pada masa hadapan. Pengkaji juga mencadangkan supaya intervensi dibangunkan bagi mengatasi masalah tingkah laku negatif dalam kalangan pelajar pintar cerdas. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada semua pihak untuk memahami tingkah laku unik yang diamalkan oleh pelajar pintar cerdas di rumah, di sekolah dan semasa pergaulan dengan rakan.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini disokong oleh Universiti Teknologi MARA, Malaysia menggunakan dana Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel (PYPA).

RUJUKAN

Al-Khayat, M. M., Al-Hrout, M. A., & Hyassat, M. A. (2017). Academically gifted undergraduate students: Their preferred teaching strategies. *International Education Studies*, *10*(7), 155-161.

Agaliotis, I., & Kalyva, E. (2019). Motivational differences of greek gifted and non-gifted high-achieving and gifted under-achieving students. *International Education Studies*, *12*(2), 45-56.

Azizi Y., Shahrin H., Jamaludin R., Yusof B., & Abdul Rahim H. (2006). Penyelidikan menguasai dalam pendidikan: *Teori analisis dan interpretasi data*. PTS Professional Publ. Sdn. Bhd.

Braun, V., & Clarke, V. (2012). *Thematic analysis*. In H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds.), *APA handbooks in psychology®. APA handbook of research methods in psychology, Vol. 2. Research designs: Quantitative, qualitative, neuropsychological, and biological*, (pp.57–71). American Psychological Association.

Clark, B. (2002). *Growing up gifted* . Upper Saddle River, NJ: Merrill.

Cleveland, L. M. (2017). Examining the relationship between gifted behavior rating scores and student academic performance. *Graduate Theses and Dissertation*. Concordia University. Portland.

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2016). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage Publications.

Cross, T. (2018). *On the social and emotional lives of gifted children*. Waco, TX: Prufrock Press.

Frey, J. H., & Fontana, A. (1991). The group interview in social research. *The Social Science Journal*, *28*(2), 175-187.

Gagné, F. (2010). Motivation within the DMGT 2.0 framework. *High Ability Studies*, *21*(2), 81-99.

Gagné, F. (2008). *Building gifts into talents: Brief overview of the DMGT 2.0*. F. Gagné.

Gross, M. U. (2004). *Exceptionally gifted children*. Routledge.

Hasan, M. A. (2006). *Anak kita memang pintar cerdas: Panduan membina potensi diri anak-anak*. PTS Publishing House.

Ismail, M. J., Loo, F. C., & Anuar, A. F. (2021). Learning music through rhythmic movements in Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, *18*(1), 241-263. https:// doi.org/10.32890/mjli2021.18.1.10

Ismail, M. J., & Anuar, A. F. (2020). The significance of music to gifted students. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, *1*(4), 33-43. http://qjoest.com/qjssh/index.php/qjssh/article/view/21

Jablonski, S., & Ludwig, M. (2019, February). Mathematical arguments in the context of mathematical giftedness–analysis of oral argumentations with toulmin. In *Eleventh Congress of the European Society for Research in Mathematics Education* (No. 18). Freudenthal Group; Freudenthal Institute; ERME.

Khalip, M., & Hariza, A. H. (2015). Kemahiran interpersonal guru dan hubungan dengan pencapaian akademik pelajar (Interpersonal teacher skill and it's relationship with students' academic achievement). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, *40*(2), 89-99.

Manning, S. (2006). Recognizing gifted students: A practical guide for teachers. *Kappa Delta Pi Record*, *42*(2), 64-68.

Marzni, M. M., Rohizani, Y., Fadzilah, A., & Marni, J. (2018). Analisis tematik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) proses penulisan karangan argumentatif berasaskan KBAT: pemahaman dan amalan pedagogi guru Bahasa Melayu tingkatan empat. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018*. Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

Md Jais, I., Azu Farhana, A., & Rorlinda, Y. (2020). Exploring giftedness: Traits of cognitive and practical skills of a gifted child. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, *5*(34), 189-196.

Md Jais, I., & Azu Farhana, A. (2020). The significance of music to gifted students. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, *1*(4), 33-43.

Md Jais I., Rorlinda Y., & Loo F. C. (2018). Proper musical activities during music instructional process for gifted and talented students in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *3*(5), 30-40.

Merrotsy, P. (2017). Gagne's differentiated model of giftedness and talent in Australian education. *Australasian Journal of Gifted Education*, *26*(2), 29.

Mofield, E., & Parker Peters, M. (2019). Understanding underachievement: mindset, perfectionism, and achievement attitudes among gifted students. *Journal for the Education of the Gifted*, *42*(2), 107-134.

Neihart, M., Reis, S. M., Robinson, N., & Moon, S. (2002). *The social and emotional development of gifted children: What do we know?*. Washington: Sourcebooks, Inc.

Ogurlu, U., & Sarıçam, H. (2018). Bullying, forgiveness and submissive behaviors in gifted students. *Journal of Child and Family Studies*, *27*(9), 2833-2843.

Post, G. (2016). Intelligence denied: When gifted children's abilities are ignored. http://www.davidsongifted.org/search-database/entry/a10878

Rambo, M. C. D., & Fernandes, S. H. A. A. (2019). A proposal of enriching activities for students with indicative of high skills/giftedness in Mathematics. *Acta Scientiae*, *21*(5), 128-144.

Renzulli, J. S. (2020). Promoting social capital by expanding the conception of giftedness. *Talent*, *10*(1), 2-20.

Renzulli, J. S. (2016). *The three-ring conception of giftedness: A developmental model for promoting creative productivity*. In S.M. Reis (Ed). Reflections on gifted education (pp. 55-86). Waco, TX: Prufrock Press.

Rinn, A. N., Mullet, D. R., Jett, N., & Nyikos, T. (2018). Sensory processing sensitivity among high-ability individuals: A psychometric evaluation of the highly sensitive person scale. *Roeper Review*, *40*(3), 166-175.

Majid, R. A., & Alias, A. (2010). Consequences of risk factors in the development of gifted children. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *7*, 63-69.

Shore, B. M., Chichekian, T., Gyles, P. D., & Walker, C. L. (2019). Friendships of gifted children and youth: Updated insights and understanding. *The SAGE handbook of gifted and talented education*, 184-195 (pp.184-195). SAGE.

Siegle, D., DaVia Rubenstein, L., & McCoach, D. B. (2020). Do you know what I'm thinking? A comparison of teacher and parent perspectives of underachieving gifted students' attitudes. *Psychology in the Schools*, 1-19. https://doi.org/10.1002/pits.22345.

Smutny, J. F., Walker, S. Y., & Meckstroth, E. A. (2000). *Teaching young gifted children in the regular classroom*. ERIC Clearinghouse on Disabilities and Gifted Education.

Sorrentino, C. (2019). Creativity assessment in school: Reflection from a middle school Italian study on giftedness. *Universal Journal of Educational Research*, *7*(2), 556-562.

Ummu Aiman B. I. (2018). Kajian ciri personaliti kreatif dalam kalangan murid pintar akademik. *Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Khas)*. UPSI.

U. S. Department of Education, (1993). National excellence: A case for developing America's talent. Washington, DC.

Wai, J. (2015, September 15). How do academically gifted students spend their time? https://www.weforum.org/agenda/2015/09/how-do-academically-gifted-students-spend-their-time.

Wood, P. F. (2008). Reading instruction with gifted and talented readers: A series of unfortunate events or a sequence of auspicious results? *Gifted Child Today*, *31*(3), 16-25.